



**Pekeliling No 002/2024/TA
Tarikh 23 Mei 2024**

**Jemputan ke Sesi Perbincangan Mengenai Masalah
yang Dihadapi oleh Peguam Sivil-Syarie di Selangor**

Sukacita dimaklumkan bahawa *Bar Council Syariah Court Liaison Committee* (Jawatankuasa Perhubungan antara Mahkamah Syariah Majlis Peguam, “Jawatankuasa”) akan mengadakan satu sesi perbincangan bersama-sama peguam-peguam Sivil-Syarie yang beramal di negeri Selangor.

Sesi perbincangan tersebut akan diadakan pada ketetapan yang berikut:

Tarikh: 7 Jun 2024 (Jumaat)
Masa: 3:00 petang
Tempat: Selangor Bar Auditorium, No 37, Jalan Bola Jaring 13/15,
Seksyen 13, Shah Alam, 40100 Selangor

Jawatankuasa berhasrat untuk mendapatkan maklum balas daripada peguam Sivil-Syarie di Selangor dan membincangkan masalah-masalah dan cabaran yang dihadapi oleh mereka. Perbincangan ini juga bertujuan untuk memahami dengan lebih mendalam isu-isu yang dihadapi oleh mereka, termasuklah aspek-aspek praktikal dan perundangan.

Hasil daripada perbincangan tersebut, Jawatankuasa berharap untuk menyediakan satu laporan yang memperincikan isu-isu dan masalah-masalah yang dibincangkan. Laporan ini bukan sahaja akan menyenaraikan permasalahan yang telah dikenal pasti, tetapi juga akan disertakan dengan analisis terperinci berserta cadangan-cadangan penyelesaian.

Setelah laporan tersebut dimuktamadkan, Jawatankuasa akan merangka kertas kerja yang lebih komprehensif untuk penyelesaian terhadap isu-isu tersebut. Kertas kerja ini akan dijadikan asas perbincangan bersama Ketua Hakim Syarie Selangor yang akan diaturkan kelak.

Jawatankuasa juga berhasrat untuk membentangkan laporan dan kertas kerja yang disediakan, serta meneroka pelbagai strategi dan pendekatan yang berkesan untuk menangani isu-isu yang telah dikenal pasti, selari dengan matlamat Jawatankuasa untuk mencapai penyelesaian yang mampu memperbaiki dan memudahkan urusan pengamal Sivil-Syarie di Selangor.

Sehubungan dengan perkara di atas, Jawatankuasa berbesar hati untuk menjemput peguam Sivil-Syarie yang beramal di Selangor untuk menjayakan sesi perbincangan ini. Sila daftar di [pautan ini](#) untuk pengesahan penyertaan anda **pada atau sebelum 4 Jun 2024 (Selasa)**.

Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan, sila hubungi Pembantu Pentadbir, Idzwan Ismail (idzwan@malaysianbar.org.my), atau Pegawai Eksekutif, Najwa Syazwani Aqilah bt Abd Hamid (najwa@malaysianbar.org.my).

Terima kasih.

Roshalizawati bt Muhammad dan Azmi Mohd Rais
Pengerusi Bersama
Syariah Court Liaison Committee